

09/04/2003

MC2 dijangka tayang musim raya

Akmal Abdullah

PRODUSER Mr Cinderella 2 (MC2) meletakkan sasaran filem itu sesuai memasuki tayangan sempena musim Aidilfitri akan datang, iaitu menjelang penghujung November ini dalam usaha merealisasikan sebuah filem Melayu blockbuster sebagai penutup tirai filem tempatan 2003.

Pengarah Urusan Kuasatek Pictures, Mohd Noor Kadir, berkata sasaran itu penting kerana iltizam syarikatnya menghasilkan sebuah filem yang disifatkan mempunyai banyak kekuatan dan digelar sebuah filem Melayu blockbuster dari segi pembikinan dan ceritanya.

"Kita mahu MC2 menemui penonton pada musim hari raya puasa iaitu pertengahan November ini. Sebab itu pada masa ini kita sedang mengejar waktu dalam menyiapkan kerja posproduksinya.

"Rasanya tempoh musim cuti raya adalah paling sesuai dengan musim cuti sekolah. Bila semua selesai barulah kita boleh hantar kepada Unit Wajib Tayang selepas lulus LPF. Kita jangka boleh hantar kepada Wajib Tayang, pertengahan bulan depan.

"Sekarang MC2 berada pada peringkat on-line dan selepas itu akan memasukkan muzik latar dan kesan bunyi selain mixing dan proses warna.

"Buat masa ini, setiap hari kita berkurung dalam studio. Saya lega sebab setiap footage MC2 memang cantik. Malah semua shot yang diambil tidak kabur. Datuk Yusof (Haslam) sendiri terkejut dengan hasil kerja pengarah Din CJ dan pengarah fotografi, Daven Raghaven. Di situ nyata kerja mereka cukup teliti," katanya kepada Persada Seni ketika ditemui di majlis kesyukuran MC2, baru-baru ini.

Kuasatek Pictures menganjurkan majlis kesyukuran itu sebagai tanda selesai penggambaran filem itu di Kelab Century, Taman Melawati, Hulu Klang. Ia turut dihadiri Yusof serta krew lain termasuk Din CJ dan barisan pelakon filem itu, Anita Sarawak, Maya Karin, Helmi Gimmick, Rashid Salleh, M Rajoli dan Datuk Ismail Hutson.

Sempena majlis itu, mereka turut meraikan majlis ulang tahun Anita ke-51. Mohd Noor tidak ketinggalan menghadahkan seutas rantai berlian kepada penghibur antarabangsa itu yang ditemani suaminya, Mohd Mahathir Abdullah.

Sementara itu, Din ketika ditemui, yakin buah tangan sulungnya di layar perak itu mampu memberi tarikan untuk penonton dari segi cerita, sinematografi dan gandingan bintang popular.

Filem yang turut menjalani penggambaran di New Zealand itu mempertemukan pasangan popular, Erra Fazira dan Yusry KRU sebagai kekasih yang menempuhi pelbagai pergolakan.